

NO. SOALAN: 184

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU  
HASAN [ PARIT ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan cukai pelancongan mampu menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Malaysia.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai Pelancongan merupakan cukai Persekutuan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 yang dikenakan terhadap pelancong asing yang menginap di premis penginapan berbayar di seluruh Malaysia. Pelaksanaannya merupakan suatu usaha Kerajaan dalam memacu industri pelancongan dan kebudayaan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui Cukai Pelancongan, industri pelancongan negara kita akan lebih berdaya maju disebabkan adanya sumber yang mampan (*sustainable*) yang berupaya meningkatkan industri ini melalui kempen dan aktiviti promosi serta pemasaran secara lebih agresif dan efektif.

Pelaksanaan Cukai Pelancongan oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (1987), Thailand (1992), Jepun (2002), Belanda (2010) dan Itali (2012) membuktikan bagi tempoh jangka panjang ianya memberikan perkembangan yang positif terhadap sektor pelancongan. Berdasarkan rekod *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO), didapati prestasi industri pelancongan negara tersebut tidak terjejas malahan bertambah baik kerana terdapatnya pembangunan kemudahan fasiliti dan infrastruktur industri pelancongan. Seperti contoh kedudukan negara-negara tersebut bagi ketibaan pelancong asing telah meningkat pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 seperti berikut :

Negara	2014		2015	
	"World Ranking"	Jumlah Ketibaan Pelancong Asing	"World Ranking"	Jumlah Ketibaan Pelancong Asing
Amerika Syarikat	2	75 juta	2	77.5 juta
Itali	5	48.6 juta	5	50.7 juta
Thailand	14	24.8 juta	10	29.9 juta
Jepun	22	13.4 juta	16	19.7 juta
Belanda	21	13.9 juta	20	15.0 juta

Pelaksanaan Cukai Pelancongan akan menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan negara yang mampan dan membantu mengukuhkan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.